



DR. Ahmad Kusairy menunjukkan seekor kucing yang disimpan pemiliknya di klinik beliau di Bandar Baru Bangi.

# R&R haiwan peliharaan



SEORANG pekerja mengeringkan bulu kucing selepas dimandikan.

# Pusat jagaan yang mengutamakan kebajikan haiwan

## Mukadimah

MESKIPUN masih baru di Malaysia, pemahaman masyarakat mengenai konsep kebajikan haiwan telah meningkat dan menyedari mereka makhluk yang perlukan penjagaan dan kasih sayang.

Ikuti laporan **Kebajikan Haiwan** bersama wartawan **LAUPA JUNUS** dan **ASHRIQ FAHMY AHMAD** mengenai isu tersebut.

**D**I Shah Alam, dua pemilik sebuah pusat jagaan haiwan dipenjara tiga bulan atas kesalahan menyebabkan kesakitan dan penderitaan terhadap 30 ekor kucing ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Di Petaling Jaya pula, seorang penjaja wanita yang pernah membangkitkan kemarahan penduduk di negara ini apabila aksinya mendera tiga ekor kucing dibiarkan di laman *YouTube*, telah didenda RM400 oleh Mahkamah Majistret.

Penjaja berkenaan didakwa mengikut Seksyen 44(1)(a) dan (d) Akta Binatang 1953 yang membawa hukuman penjara sehingga enam bulan atau denda maksimum RM200 atau kedua-duanya bagi setiap kesalahan.

Kedua-dua kes tersebut antara contoh bagaimana individu yang terlibat dengan penganiyaan terhadap binatang dikenakan hukuman.

Maka, kerajaan telah merangka dan dijangka membentangkan Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan di Dewan Rakyat pada tahun depan bagi mengenakan hukuman lebih berat ke atas pesalah yang mendera binatang.

Antara cadangan dalam rang

undang-undang tersebut ialah supaya pesalah kes penderaan haiwan didenda antara RM20,000 dan RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun.

Mengulas perkara tersebut, seorang pengusaha pusat jagaan haiwan, Dr. Ahmad Kusairy Wan Sulaiman, 47, bersetuju supaya hukuman lebih berat dikenakan kepada mereka yang menganiaya haiwan.

“Jangan anggap haiwan sebagai sampah, mereka perlu perhatian dan kasih sayang,” ujar beliau ketika ditemu di kliniknya di Bandar Baru Bāngi baru-baru ini.

Beliau berkata, dengan kemajuan negara yang dicapai pada masa ini, masyarakat semakin menyedari kepentingan penjagaan atau kebajikan haiwan.

Kesedaran masyarakat Malaysia kini semakin ketara dengan kebanyakan rumah memiliki haiwan peliharaan

“Haiwan juga merupakan makhluk Allah dan sepatutnya disayangi,” katanya.

Dengan meningkatnya kesedaran orang ramai itu, mereka mula memelihara haiwan kesayangan di rumah dan jumlahnya semakin bertambah.

Peningkatan pemilikan haiwan kesayangan ini mendorong ramai membuka pusat penjagaan haiwan bagi memudahkan pemiliknya menyimpan haiwan tersebut dengan kadar bayaran tertentu apabila terpaksa meninggalkan rumah dalam tempoh yang lama.

Namun bagi Dr. Wan Ahmad Kusairy, tidak semua orang layak atau berkemampuan membuka pusat seumpama itu.

Minat dan pengetahuan menjadi faktor penting sama ada mereka boleh berjaya atau sebaliknya.

Mengimbas kembali penglibatannya dalam industri tersebut, beliau berkata, minat menjadi pendorong kuat kepadanya sehingga berjaya membuka pusat

seumpama ibarat pusat Rehat dan Rawat (R&R) untuk haiwan.

Beliau mempunyai kelayakan dalam perubatan veterinar selepas menamatkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (ketika itu Universiti Pertanian Malaysia) pada 1990.

Anak jati Temerloh Pahang pada mulanya ditawarkan pengajian doktor perubatan tetapi memilih bidang veterinar memandangkan tidak ramai menceburi bidang tersebut.

Selepas menamatkan pengajian, beliau menyertai Jabatan Perkhidmatan Haiwan (sekarang Jabatan Perkhidmatan Veterinar)

## Laporan KHAS Mega



**HAIWAN** di Klinik Mesra diperiksa bagi mengenal pasti tahap kesihatannya.

sebelum memulakan perniagaan pada 2006.

“Saya dapati tidak ramai orang Melayu membuka pusat seumpama ini ketika itu sedangkan permintaannya agak tinggi. Menjadi satu cabaran bagi saya untuk menawarkan perkhidmatan tersebut.

“Tambahan pula saya mempunyai kelayakan dalam perubatan veterinar yang sepatutnya saya praktikkan dan pada masa sama, dapat memberi peluang kepada rakan-rakan saya meneruskan kepakaran mereka,” ujarnya lagi.



**DR. WAN AHMAD KUSAIRY**

DERETAN sangkar kucing pelbagai kategori bagaikan sebuah bilik hotel untuk si manja.



## Sayangi haiwan

PENGLIBATAN Pengurus Besar Klinik Haiwan dan Surgeri Mesra, Dr Wan Ahmad Kusairy Wan Sulaiman dalam bisnes penjagaan kucing sepatutnya membuka mata orang ramai supaya lebih menyayangi haiwan.

Dr Wan Ahmad Kusairy berkata, meskipun ada pihak yang tidak berpuas hati melihat haiwan seperti kucing yang dikurung dalam sangkar beliau menjelaskan, perkara itu perlu dilihat dari sudut positif.

"Memang kita mengurung tetapi kebajikannya tetap dijaga dengan memberi makanan dan rawatan sekiranya sakit, malah dimandikan juga," katanya.

Untuk kerja-kerja tersebut, enam doktor veterinar termasuk beliau serta 20 kakitangannya bekerja di klinik berkenaan bagi menampung pelanggan yang sentiasa inginkan perkhidmatan terbaik.

Malah, dengan sistem tersebut, kucing peliharaan tidak terdedah dengan masalah penyakit jika bercampur dengan kucing liar.

Dalam pada itu beliau memberitahu, kliniknya menawarkan suntikan percuma untuk penyakit kurap dua kali setahun bagi membendung masalah tersebut yang biasa dihadapi kucing.

Mengenai pemasangan cip mikro sebagai pengenalan kucing, beliau berkata, keperluan tersebut belum mendesak selain memerlukan kos tinggi.

Beliau juga menasihatkan kepada pemilik supaya menjaga kebajikan haiwan peliharaan mengikut keperluan dan jangan sekali-kali membiarkannya sehingga mengganggu ketenteraman jiran.



SEORANG petugas membawa keluar kucing dari 'bilik' untuk dimandikan.

## Saya dapati tidak ramai orang Melayu membuka pusat seumpama ini sedangkan permintaannya agak tinggi

Beliau memulakannya perniagaannya dengan membuka kedai kecil di Bandar Baru Bangi sebelum berpindah ke kawasan yang lebih luas di premis yang ada sekarang dengan nama Klinik Haiwan dan Surgeri Mesra di Seksyen 7 di

PANDANGAN luar R&R haiwan milik Dr. Wan Ahmad Kusairy di Bandar Baru Bangi.



kawasan yang sama.

Dalam tempoh enam tahun, Dr. Wan Ahmad Kusairy membuka empat cawangan baru di beberapa kawasan lain termasuk Putrajaya, Shah Alam, Kajang dan Taman Sri Serdang.

Klinik dan pusat penjagaan haiwan berkenaan dikendalikan oleh enam orang doktor veterinar dan 20 kakitangan.

Klinik tersebut sebenarnya mirip hotel yang menawarkan khidmat Rehat dan Rawat (R&R) seperti penginapan, penjagaan kebersihan, makanan dan pemeriksaan kesihatan yang kebanyakannya dikhususkan untuk kucing.

Meskipun terdapat pemilik haiwan menghantar peliharaan mereka seperti hamster, kura-kura dan anab, pusat tersebut lebih tertumpu kepada kucing.

Dengan kemudahan mirip hotel, pusat tersebut menawarkan beberapa jenis atau standard 'bilik' untuk seekor kucing, terbahagi kepada *Standard*, *Deluxe* dan *Exclusive* pada harga mengikut kemudahan.

Bilik keluarga juga ditawarkan dengan harga tertentu.

Perkhidmatan sampingan yang ditawarkan termasuklah memandi kucing, berubat dan bus dengan anggaran bagi yang berbulu pendek antara RM45 hingga RM90 (bergantung kepada perkhidmatan).

Bagi kucing yang berbulu panjang, perkhidmatan yang sama ditawarkan pada harga antara RM55 hingga RM105.

Mencukur bulu kucing juga ditawarkan dengan harga RM100 dan RM120 masing-masing bagi yang berbulu pendek dan panjang.

Beberapa perkhidmatan lain yang ditawarkan termasuk pemandulan kucing betina yang mesti berumur sekurang-kurangnya enam bulan, keadaan

## Kadar penginapan

### SINGLE ROOM

Jenis	Harga
Standard	RM12/hari/ekor
Deluxe (Maksimum dua ekor) (menawarkan tempat pembuangan najis)	RM18/hari/ekor
Exclusive (Maksimum empat ekor)	RM25/hari/ekor

### KELUARGA

Jenis	Harga
Ibu dan anak	RM15/hari/sangkar
Ibu dan anak (umur antara dua dan tiga bulan)	RM18/hari/sangkar

### KLINIK DAN PUSAT PENJAGAAN

Lokasi	Tahun	Kapasiti
*Bangi	2006	150 ekor
*Putrajaya	2009	30-40 ekor.
*Shah Alam	2011	120-150 ekor
*Kajang	2007	100-120 ekor
*Seri Kembangan	2007	100 ekor ekor

kesihatan baik dan beberapa kemudahan lain dengan harga RM120 seekor bagi tiga hari dua malam penginapan.

Pemandulan kucing jantan juga ditawarkan pada pakej harga RM70 termasuk penginapan dua hari satu malam.

Maklumat lanjut hubungi klinik berkenaan di talian 03-89250121.